

Utusan Malaysia  
12/3/2014

# UniSZA, UKM jalin kerjasama

KUALA TERENGGANU 11 Mac - Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) menjalinkan kerjasama dengan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dalam usaha menjadi antara 300 universiti terbaik di Asia dalam tempoh tiga tahun lagi.

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UniSZA, Prof. Dr. Mohd. Ekhwan Toriman berkata, antara kerjasama yang bakal dilaksanakan itu termasuk dalam bidang penyelidikan dan inovasi.

"Kita mahu menjalankan pelbagai kajian dan penyelidikan secara bersama yang diharapkan dapat memberi impak besar terhadap masyarakat di Pantai Timur dan Pantai Barat berdasarkan kedudukan universiti kami di Pantai Timur

dan UKM di Pantai Barat.

"Sebagai universiti yang masih baharu, kerjasama sebegini diharap dapat memastikan UniSZA terus ke hadapan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas majlis menandatangani Surat Hasrat (LOI) di Dewan Senat UniSZA di sini baru-baru ini.

Menurut Mohd. Ekhwan, serentak dengan kerjasama itu, pihaknya akan menjadikan UKM sebagai rujukan untuk bergerak lebih maju menerusi kepakaran, pengalaman dan pengetahuan ke arah memacu penyelidikan yang lebih berinovatif.

"Malah kita juga mahu menetapkan UniSZA dalam senarai 300 universiti terbaik Asia di bawah QS University Rankings: Asia untuk tahun

ini dan masa akan datang," katanya.

Sementara itu, Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UKM, Prof. Datuk Dr. Mazlin Mokhtar berkata, hubungan itu dapat memastikan kedua-dua universiti tersebut berada dalam kedudukan universiti terbaik di Asia.

"UKM sentiasa memandang ke hadapan dan kita berharap gabungan keistimewaan UNiSZA dan UKM dapat mengukuhkan lagi penyelidikan yang dapat memberi impak kepada masyarakat setempat.

"Penyelidik di UKM akan bekerjasama dengan penyelidik UniSZA dan penggabungan ini diharapkan dapat mencetuskan hasil penyelidikan yang boleh dimanfaatkan kerajaan mahupun masyarakat," katanya.